

Naib Canselor / *Vice Chancellor*

Rujukan Tuan :  
Your Reference  
Rujukan Kami : UPSI/ICT/UPG/377 Jld.2 (87)  
Our Reference  
Tarikh : 15 Februari 2019  
Date : 10 Jamadilakhir 1440H

Y. Brs. Prof. Dr. Suriani binti Abu Bakar  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Brs. Prof.,

**PELANTIKAN SEBAGAI PENERUSI JAWATANKUASA PEMANDU ICT  
(JPICT) UPSI**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil 24/2011 yang diadakan pada 16 November 2011 yang lalu telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Pemandu ICT UPSI (JPICT). Penubuhan Jawatankuasa ini adalah bagi memenuhi kehendak Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009 mengenai "Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan".

3. Sehubungan dengan itu, sebagai Naib Canselor UPSI, sukacita saya melantik Y.Brs. Prof. sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) UPSI berkuatkuasa mulai **1 Februari 2019 sehingga 31 Disember 2020**. Bersama-sama ini dilampirkan senarai penuh keahlian Jawatankuasa ini (**Lampiran 1**) dan juga bidang tugas Jawatankuasa tersebut (**Lampiran 2**), untuk makluman dan perhatian Y.Brs. Prof.

4. Pihak Universiti mengucapkan tahniah atas pelantikan ini dan berharap semoga tanggungjawab ini dapat disempurnakan dengan sebaiknya. Segala kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam menganggotai jawatankuasa ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam

"UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN"

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROFESOR DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN)**  
**DIMP, DPMP**  
Naib Canselor

